

# Panggilan hologram 5G



Dr Mahathir (dua dari kiri) berinteraksi secara hologram bersama seorang kanak-kanak, Tengku Zara Eryna Tengku Ahmad Saifuddin pada pelancaran 5G Malaysia di Putrajaya, baru-baru ini.

## *Celcom, Ericsson gerakkan teknologi 5G di Malaysia*

SITI ZUBAIDAH MAT ISA

**C**elcom Axiata Berhad dan Ericsson menggerakkan panggilan hologram 5G pertama di Malaysia pada acara 5G Malaysia yang dianjurkan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) di Putrajaya, baru-baru ini.

Demonstrasi 5G dan fungsi sistem menggabungkan kelajuan gigabit dan keupayaan pendaman ultra rendah 5G menunjukkan contoh pelbagai manfaat utama seperti pengoperasian mesin dari jauh yang digerakkan melalui realiti maya (VR).

Ketua Pegawai 7 Eksekutif Celcom Axiata Berhad, Mohamad Idham Nawawi berkata, demonstrasi itu menunjukkan keupayaan teknologi 5G untuk mentransformasikan kehidupan dan memberikan definisi baharu terhadap menjalankan perniagaan.

"Ia bukan sahaja akan memberi manfaat kepada industri, tetapi kepada rakyat," katanya pada majlis pelancaran 5G Malaysia yang dirasmikan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad di Putrajaya, baru-baru ini.

Sementara itu, Ketua Ericsson Malaysia, Sri Lanka dan Bangladesh, Todd Ashton berkata, kerjasama dengan Celcom pada 2017 dalam percubaan 5G yang pertama di Asia Tenggara dengan kelajuan 28GHz adalah langkah besar untuk bertukar kepada kelajuan 5G di negara ini.

Katanya, 5G akan membawa manfaat yang sangat besar kepada para pengguna dan industri.